

42

timur

23-08-2019

Kota Bharu

Sasar industri kenaf RM10 juta



SAMSUDDIN (dua dari kanan) melepaskan Konvoi Merdeka pada Program Sambutan Pelancaran Kibar Jalur Gemilang, semalam.

Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) menyasarkan nilai industri mencapai RM10 juta pada tahun ini.

Pengaruhnya, Samsuddin Noor berkata, sasaran itu mengatasi pencapaian nilai industri tahun lalu iaitu RM6 juta yang hanya memfokuskan kepada hasil produk Industri Kecil dan Sederhana (IKS).

Katanya, setakat ini pihaknya berjaya mendapat sejumlah RM6 juta dan nilai itu memberi keyakinan kepada LKTN untuk mencapai sasaran ditetapkan.

+ “Selepas ini, tanaman kenaf tidak akan hanya tertumpu di kawasan tradisi seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang malah akan dikembangkan ke seluruh negara termasuk

Sabah dan Sarawak.

“Sudah 10 tahun LKTN ditubuhkan yang sebelum ini lebih banyak membabitkan kerjasama kerajaan dan untuk perancangan lima tahun akan datang kita akan menyusun semula supaya lebih berdaya saing dengan pembabitan syarikat swasta.

“Sebelum ini, kerajaan menyasarkan nilai industri kenaf negara akan mencecah RM350 juta menjelang 2025 yang dijangka mewujudkan kira-kira 2,300 peluang pekerjaan,” katanya pada sidang media selepas majlis Pelancaram Kibar Jalur Gemilang dan Konvoi Merdeka di pekarangan pejabat LKTN di sini semalam.